

Tahap Pengetahuan dan Ramalan Gelagat Petani terhadap Kepatuhan Pembayaran Zakat Tanaman: Satu Tinjauan di Daerah Sabak Bernam

FADILAH MAT NOR
Fakulti Pengurusan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
43000, Kajang, Selangor
fadilahmn@kuis.edu.my

TEH SUHAILA TAJUDDIN
Fakulti Pengurusan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
43000, Kajang, Selangor
tehsuhaila@kuis.edu.my

AZA SHAHNAZ AZMAN
Fakulti Pengurusan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
43000, Kajang, Selangor
azashahnaz@kuis.edu.my

MAZNAH JAMALUDDIN
Fakulti Pengurusan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
43000, Kajang, Selangor
annajay0810@gmail.com

Received : March 23, 2018

Accepted : June 23, 2018

ABSTRAK

Objektif utama kertas kerja ini adalah mengukur tahap pengetahuan petani terhadap zakat tanaman serta untuk menganalisa perbezaan tahap pengetahuan terhadap beberapa faktor demografi terpilih disamping cuba meramal gelagat kepatuhan petani terhadap pembayaran zakat tanaman. Tinjauan telah dilakukan di salah satu daerah utama di Selangor yang terkenal sebagai pengeluar padi utama di Selangor. Kajian melibatkan 325 orang petani dari pelbagai latar belakang telah dipilih dengan menggunakan persampelan rawak cluster merangkumi 3 mukim antara 5 mukim di Sabak Bernam iaitu Mukim Simpang Lima, Mukim Pasir Panjang dan Mukim Sungai Besar. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan responden terhadap Zakat Tanaman adalah berada ditahap sederhana (Skor Min = 3.61). Ditemui juga pendidikan, umur, pendapatan, tempoh pengalaman dan keluasan tanah tanaman menunjukkan perbezaan yang signifikan kepada tahap pengetahuan petani. Kajian menggunakan teori gelagat ditanggap (TTB) bagi mengukur ramalan kepatuhan petani dan mendapati pemboleh ubah sikap dan norma subjektif masing-masing mempengaruhi secara positif dan signifikan terhadap niat gelagat ($R^2=0.68$). Pembolehubah sikap menunjukkan pembolehubah paling mempengaruhi gelagat kepatuhan petani dengan $\beta = 0.530$. Beberapa

langkah juga telah dicadangkan bagi meningkatkan tahap pengetahuan petani terhadap zakat tanaman.

Kata kunci: Zakat Tanaman, Petani, Tahap pengetahuan, Teori Tindakan Beralasan, Niat Kepatuhan

The Level of Knowledge and Predicting Farmer's Behavioural towards the Zakah on Crops Compliance: A Review in Sabak Bernam

ABSTRACT

The main objective of this study was to measure the level of knowledge among farmers towards zakat on crops and analyze the differences between the knowledge towards the selected factors of demography besides to predict the influence of attitudes and subjective norms towards the compliance of zakat on crops. The sample of this study consisted of 325 farmers in areas of Sabak Bernam from 3 out of 5 areas named Mukim Simpang Lima, Mukim Pasir Panjang, and Mukim Sungai Besar. From the data sampled, the study found that the mean score showed the level of knowledge of farmers towards zakat of crops is moderately (3.61). This study was applied the Theory of Planned Behavior in an attempt to predict zakat on crops compliance intention behavior. The result of Multiple regression shows that the attitude and subjective norms were found significantly related to the intention ($R^2 = 0.68$) with the attitude is the most significant variable among two variable measured ($\beta = 0.530$). Some suggestions and further research regarding this issues are suggested in order to improve the specific knowledge about zakat on crops among farmers with different theory.

Key words: Zakat on Crops, Farmers, Level of Knowledge, Theory of Planned Behavior, Behavioral Intention

PENGENALAN

Dalil pensyariatkan zakat didalam firman Allah SWT ini diulang-ulang sebanyak beberapa kali dengan menggunakan ayat yang sama. Sesungguhnya ayat-ayat tersebut terdapat di dalam *surah al-Baqarah (2): 83 dan ayat 110, surah al-Nisa' (4) : 77, al-Hajj (22) : 78, alNur (24) : 56, al-Ahzab (33) : 33, al-Mujadalah (58) : 13 dan surah al-Muzammil (73) : 20*. Zakat adalah rukun Islam yang keempat dan merupakan sebahagian dari ibadah dalam kehidupan umat Islam. Selain itu ia juga adalah satu pembayaran yang wajib dikeluarkan oleh orang tertentu berdasarkan kepada syarat tertentu dan diagihkan kepada golongan tertentu. Ia bertujuan untuk membersihkan diri dan menyuburkan harta pembayar zakat. Di Malaysia, dari segi pengamalannya hanya tanaman padi sahaja yang dikenakan zakat tanaman iaitu berdasarkan kepada pandangan mazhab Syafi'i yang merupakan mazhab rasmi dan utama di Malaysia.

Kepatuhan membayar zakat tanaman merupakan suatu perkara yang penting dalam meningkatkan kutipan zakat. Namun kefahaman masyarakat tentang kewajipan pembayaran zakat tanaman masih lagi ditahap yang tidak memuaskan. Secara umumnya kutipan zakat sektor pertanian adalah kurang

daripada 1 peratus daripada jumlah keseluruhan kutipan zakat bagi semua negeri di Malaysia (Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid 2009). Lantaran itu zakat tanaman dikatakan kurang berjaya dalam menangani masalah kebajikan sosial masyarakat. Hal ini adalah kerana bukan sahaja sumbangan zakat tanaman terlalu rendah berbanding cukai bahkan tindak balas pengenaan zakat tanaman dikatakan tidak begitu kuat berbanding cukai.

Jadual 1 menunjukkan saististik Kutipan zakat Tanaman di negeri Selangor dari Tahun 2011 hingga 2016. Mengikut data pencapaian kutipan zakat di Selangor, statistik menunjukkan prestasi pencapaian kutipan zakat tanaman adalah meningkat pada tahun 2011 hingga 2013, manakala semakin menurun pada tahun 2014 dan 2016. Selain itu, mengikut sumber laporan kutipan dan agihan zakat di Selangor juga mendapati kutipan zakat tanaman adalah kurang memberangsangkan iaitu ditangga ke lapan berbanding dengan kutipan zakat yang lain.

Jadual 1: Statistik Kutipan Zakat Tanaman Di Negeri Selangor Tahun 2011 Hingga 2016

Tahun	Jumlah Kutipan (RM)
2011	2,210,000
2012	2,590,000
2013	2,877,304
2014	2,703,190
2015	2,528,327
2016	2,396,353

Sumber: Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Di Negeri Selangor (2011-2016)

Keadaan ini menimbulkan kebimbangan dan persoalan mengapa kutipan zakat tanaman kurang memberangsangkan dan semakin menurun. Hal ini adalah kerana mengikut kenyataan sumber akhbar Selangor Kini (Sumber penuh: Selangor Kini. 2016. 1 Julai) memaparkan daerah Sabak Bernam, khususnya di Sekinchan adalah antara kawasan penanaman padi yang utama di Selangor yang boleh dibanggakan dengan keupayaannya menghasilkan padi mencapai sehingga 13 tan metrik untuk setiap satu hektar. Berbanding dengan Kedah, yang bergelar jelapang padi, Pulau Pinang, Perak, Kelantan dan Terengganu yang juga merupakan antara negeri yang menghasilkan sebahagian besar padi tempatan dengan purata empat tan sahaja bagi setiap hektar. Oleh itu timbul persoalan apakah yang membezakan keupayaan pesawah di kawasan ini berbanding pesawah di negeri lain? Justeru, satu kajian dilihat perlu bagi mengukur tahap pengetahuan petani disamping melihat gelagat kepatuhan terhadap pembayaran zakat tanaman.

KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai zakat tanaman dirasakan perlu dianalisis sejauhmanakah tahap pengetahuan masyarakat terhadap zakat tanaman. Ia adalah kerana ini akan menentukan sejauhmanakah mereka akan menerima pelaksanaan zakat ke atas tanaman yang dikenakan zakat dan seterusnya membayar zakat tanaman. Faktor ini juga penting memandangkan mendapati faktor pengetahuan zakat amat mempengaruhi pembayaran zakat tanaman (Mohd. Ali et al., 2005). Kajian (Denia Riani, 2012) juga menunjukkan bahawa faktor pengetahuan secara langsung mempengaruhi niat terhadap kepercayaan masyarakat pada lembaga pengelola zakat.

Hal ini turut mendapat sokongan melalui kajian bahawa kecenderungan petani yang membayar zakat tanaman amat bergantung kepada aspek pengetahuan mereka dalam hukum-hukum zakat. Ini menunjukkan aspek pengetahuan harta yang dikenakan zakat amat penting dalam mempengaruhi pembayaran zakat. Faktor pengetahuan zakat amat mempengaruhi pembayaran zakat dan telah ditunjukkan oleh pengetahuan agama dan kefahaman yang jelas mengenai zakat harta. (Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, 2009).

Di Malaysia, kajian mengenai zakat tanaman juga merangkumi perbincangan mengenai nisab zakat tanaman. Contohnya, timbangan nisab 5 peratus yang dipraktikkan adalah berasaskan timbangan beras. Oleh itu, padi yang belum dibersihkan iaitu yang belum dibuang kulitnya, maka ketetapan nisabnya adalah diganda dua iaitu 10 peratus. Tetapi, taksiran zakat tanaman adalah berbeza di setiap negeri. (Muhamad Firdaus Ab Rahman, Luqman Abdullah & Nor Aini Ali, 2015). Konsep sistem perundangan zakat di Malaysia yang begitu terhad juga adalah antara faktor yang menyebabkan undang-undang zakat di Malaysia tampak lemah. Keadaan ini telah memberi ruang kepada fenomena kegagalan membayar zakat dan tentangan terhadap perundangan zakat sedia ada (Siti Mashitoh Mahamood, 2007).

Penggunaan teori gelagat terancang dalam penyelidikan dalam pelbagai persekitaran telah digunakan secara meluas kerana prestasi teori ini dalam menjelaskan niat dan gelagat dalam pelbagai persekitaran. Teori gelagat terancang dijadikan kerangka teori dalam kajian ini kerana kajian-kajian lepas banyak bersandarkan kepada teori ini bagi menjelaskan sesuatu gelagat. Teori ini begitu popular dikalangan penyelidik kerana kemampuan dan keupayaan faktor-faktor sikap, norma subjektif dan niat memberi penjelasan bagi memahami tingkahlaku seseorang (Ajzen, 2005).

Ia juga adalah model teoritikal psikologi sosial yang popular dan sering diaplikasikan dalam menerangkan pelbagai situasi gelagat manusia. Teori gelagat terancang juga merupakan satu teori umum yang digunakan oleh penyelidik-penyelidik dalam meramal gelagat sosial seseorang dalam pelbagai persekitaran. Malah, teori gelagat terancang merupakan model yang berpengaruh dan banyak digunakan dalam menjelaskan gelagat sosial manusia. Teori gelagat terancang telah digunakan secara meluas dalam pelbagai persekitaran gelagat khususnya dalam persekitaran gelagat beragama (Ajzen, Joyce, Sheikh, & Cote, 2011). Hasil kajian lepas daripada Zainol et al. (2009) juga menunjukkan bahawa sikap, norma subjektif, dan kawalan gelagat ditanggap mempunyai pengaruh yang signifikan dalam mempengaruhi niat gelagat kepatuhan zakat gaji.

Justeru tidak hairanlah ramai pengkaji menggunakan teori ini sebagai asas kerangka teori kajian mereka. Sebagai contoh, teori ini digunakan untuk mengkaji gelagat kepatuhan cukai (Bobek 2003). Dalam teori ini terdapat tiga pembolehubah yang diketengahkan iaitu sikap, norma subjektif dan juga persepsi kawalan gelagat. Hasil kajian Zainol et al. (2009) menyokong bahawa pengaruh faktor sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan gelagat adalah signifikan ke atas niat gelagat dalam kajiannya mengenai zakat pendapatan. Walaubagaimanapun, kajian mengenai zakat tanaman menggunakan teori gelagat terancang masih kurang dijalankan dan agak sukar ditemui. Dengan menggunakan teori gelagat terancang (*theory of planned behavior*) menunjukkan bahawa perlakuan sesuatu gelagat adalah bergantung kepada niat. Niat adalah suatu bentuk motivasi yang mendorong seseorang untuk bertindak. Niat juga merupakan kesediaan dan petunjuk sejauhmana

kesanggupan seseorang berusaha untuk melakukan sesuatu. Semakin kuat niat seseorang untuk melakukan gelagat, semakin kuat kemungkinan gelagat tersebut dilakukan (Ajzen I, 2012). Niat didefinisikan sebagai motivasi, ataupun keinginan dan kesediaan seseorang dalam melakukan sesuatu gelagat. Dalam Teori gelagat terancang, niat merupakan penentu paling hampir bagi mempengaruhi gelagat. Semakin tinggi niat seseorang untuk melaksanakan gelagat, semakin bertambah kebarangkalian seseorang itu untuk melakukan sesuatu tingkah laku (Ajzen, 2005).

Kajian (Saad et al. 2010) mendapati niat merupakan faktor penentu dalam mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat perniagaan. Dalam konteks pembayaran zakat, keputusan peniaga untuk membayar zakat perniagaan kepada pejabat zakat adalah bergantung kepada niatnya. Semakin kuat niat peniaga untuk membayar zakat, semakin kuat kebarangkalian pengusaha tersebut untuk membayar zakat. Sebaliknya, niat peniaga yang lemah akan mengurangkan kemungkinan peniaga untuk berbuat demikian. Begitu juga dari sudut pembayaran zakat tanaman oleh petani.

Sikap didefinisikan sebagai perasaan positif atau negatif (kesan penilaian) dalam melakukan gelagat tertentu (Fishbein, 2005). Ianya berkaitan dengan persepsi terhadap gelagat seseorang oleh ahli masyarakatnya berdasarkan nilai tara masyarakat tersebut. Sikap juga melibatkan satu penilaian yang akhirnya menentukan sama ada ianya baik atau buruk menurut nilai yang dipegang oleh masyarakat itu sendiri. Kajian (Hairunnizam, 2005) yang menyatakan bahawa sikap yang positif berkaitan zakat adalah berkait rapat dengan soal keimanan. Pada dasarnya penilaian atau persepsi seseorang menunjukkan tahap keimanannya. Persepsi yang positif terhadap zakat menunjukkan keimanan yang tinggi, manakala persepsi yang negatif menunjukkan keimanan yang rendah.

Banyak penemuan kajian lepas menunjukkan hubungan antara sikap dan niat gelagat. Dalam bidang percukaian, Bobek (2003) mendapati bahawa semakin positif sikap pembayar cukai terhadap pembayaran cukai, semakin baik niat untuk melaksanakan gelagat tersebut. Dalam kajian zakat, iaitu persekitaran yang hampir serupa dengan cukai, menunjukkan keputusan yang serupa bagi hubungan kedua-dua pemboleh ubah ini (Zainol, 2009). Kajian oleh Alam & Sayuti (2011) menunjukkan faktor sikap berhubung dengan niat secara signifikan dalam persekitaran produk halal. Selain itu, dalam persekitaran perbankan Islam (Amin et al., 2011) melaporkan faktor sikap turut mempengaruhi niat untuk menggunakan perbankan Islam. Kajian berkaitan gelagat kepatuhan zakat perniagaan turut melaporkan keputusan yang sama (Saad et al. 2010). Kajian (Nur Ain Afiqah 2016) menunjukkan dengan jelas bahawa sikap yang positif dan optimis terhadap pelaksanaan TPPA amat penting dan mempengaruhi niat pengusaha untuk lebih bersedia dan sanggup mendepani cabaran pelaksanaan TPPA. Pendekatan Kerajaan dalam memupuk sikap ini perlulah difikirkan dalam usaha membentuk sikap pengusaha yang sebegini.

Sementara kajian yang dilakukan Kamil Md Idris, 2002). yang membincangkan kesan penswastan ke atas peningkatan kutipan zakat. Walaupun penswastan memberikan kesan positif kepada hasil kutipan, namun perubahan sikap dan kesedaran individu muslim untuk melaksanakan tanggungjawab ini adalah lebih signifikan. Sikap peniaga yang positif mendorong niat yang kuat manakala sikap yang negatif akan mengurangkan niat mereka untuk membayar zakat. Peniaga yang percaya bahawa pembayaran zakat perniagaan akan memberikan keberkatan ke atas pendapatan dan perniagaannya (penerimaan positif), maka sudah pasti beliau menilai pembayaran

zakat adalah sesuatu yang menguntungkan. Sebaliknya, sikap yang negatif akan terbentuk jika peniaga merasakan pembayaran zakat tidak menguntungkan dirinya. Maksud sikap yang dibincangkan adalah berkait rapat dengan soal tahap keimanan seseorang (Ram Al Jaffri Saad, 2010).

Norma subjektif merujuk kepada persepsi manusia terhadap manusia lain yang penting kepadanya dan berfikir sama ada pelaku patut atau tidak bergelagat sedemikian (Ajzen, 2005). Ini berkait dengan tindakan manusia yang berdasarkan persepsi apa yang orang lain fikir mereka patut lakukan. Norma subjektif didapati lebih penting pada peringkat awal implementasi inovasi apabila pengguna mempunyai pengalaman yang terhad untuk membangunkan sikap (Hartwick & Barki, 2000).


Konstruk faktor sosial yang diistilahkan sebagai norma subjektif dalam teori gelagat terancang merupakan tekanan sosial ataupun persepsi individu lain ataupun masyarakat dalam mempengaruhi seseorang untuk melaksanakan sesuatu tingkah laku. Pengaruh sosial ini boleh berlaku sama ada daripada pengaruh interpersonal seperti suami atau isteri, anak-anak ataupun rakan-rakan serta pengaruh luaran seperti media masa dan akhbar. Jika jangkakan sosial itu menggalakkan seseorang itu melaksanakan tingkah laku berkenaan, maka seseorang itu akan lebih cenderung untuk melaksanakannya (Ajzen, 2005).

Dalam persekitaran zakat juga, norma subjektif ini turut memberi kesan terhadap niat gelagat kepatuhan zakat (Zainol, 2009). Norma subjektif yang dimaksudkan adalah pengaruh faktor sosial atau kumpulan rujukan yang rapat dengan seseorang individu dan berkemungkinan dapat mempengaruhi keputusan yang akan dibuat. Kumpulan rujukan ini termasuk ibu bapa, pasangan, kawan, guru, rakan-rakan perniagaan dan sebagainya. Dalam konteks gelagat kepatuhan zakat perniagaan, adalah dijangkakan bahawa norma subjektif mempunyai pengaruh terhadap niat gelagat peniaga untuk membayar zakat. Ini adalah kerana persepsi kumpulan sosial yang penting bagi seseorang peniaga seperti suami/isteri, ibu bapa dan rakan-rakan akan memainkan peranan dalam mempengaruhi niat mereka untuk membayar zakat. Persepsi yang positif akan menguatkan niat peniaga terhadap zakat perniagaan, manakala persepsi yang negatif akan mengurangkan niat mereka (Ram Al Jaffri Saad, 2010).

METODOLOGI

Dalam kajian ini, sampel populasi dipilih dalam kalangan para petani di daerah Sabak Bernam. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Pertanian Daerah Sabak Bernam, jumlah petani (pesawah padi) adalah seramai 18,380 orang. Dengan menggunakan panduan penentuan saiz sampel oleh Cohen 1988 sebagai sampel kajian untuk mewakili keseluruhan para petani di daerah Sabak Bernam. Lokasi ini dipilih berdasarkan populariti kawasan daerah Sabak Bernam sebagai kawasan sektor pertanian khususnya tanaman padi di negeri Selangor. Kaedah pemilihan pensampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah persampelan kluster. Pemilihan sampel secara kluster dipilih kerana pengkaji telah mengecilkan bilangan mukim yang terdapat di daerah Sabak Bernam. Pengkaji telah memilih 3 daripada 5 mukim yang ada di daerah Sabak Bernam iaitu Mukim Simpang Lima, Mukim Pasir Panjang dan Mukim Sungai Besar.

Rajah 1: Kerangka Kajian Berdasarkan Teori Tindakan Beralasan (TTB)



(Adaptasi dan ubahsuai daripada Ajzen 1981)

Merujuk kepada Rajah 1 diatas, kerangka kajian tersebut memiliki dua pembolehubah tidak bersandar iaitu sikap dan norma subjektif. Manakala untuk pembolehubah bersandar pula terdapat niat. Dalam konteks kajian ini, gelagat patuh atau tidak terhadap pembayaran zakat tanaman mungkin dipengaruhi oleh dua pembolehubah iaitu sikap dan norma subjektif. Sikap positif daripada responden akan mempengaruhi niat gelagat kepatuhan dan seterusnya responden akan mengambil tindakan sebagai langkah kepatuhan. Bahkan, begitu juga dengan norma subjektif ditanggap yang positif akan turut sama mempengaruhi niat gelagat dalam kepatuhan membayar zakat tanaman.

Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada kerangka kajian, hipotesis kajian yang dibina ialah, iaitu:

H₀: Terdapat **pengaruh yang tidak signifikan** antara sikap dan norma subjektif terhadap niat kepatuhan membayar zakat tanaman.

H₁: Terdapat **pengaruh yang signifikan** antara sikap dan norma subjektif terhadap niat kepatuhan membayar zakat tanaman.

Kaedah Analisis Data

Beberapa teknik statistik telah digunakan bagi tujuan analisis data dan pengujian hipotesis. Statistik deskriptif dalam kajian ini digunakan untuk menganalisis ciri-ciri demografi responden seperti jantina, umur, status taraf perkahwinan, tahap pendidikan, bilangan tanggungan, jumlah perbelanjaan bulanan keluarga, penglibatan dalam sektor pertanian, tempoh menceburi bidang sektor pertanian, saiz keluasan tanah sawah, pendapatan bersih semusim dan status hak milik tanah sawah. Perbezaan tahap pengetahuan juga diukur dengan menggunakan ujian ANOVA sehala.

Bagi Objektif utama iaitu ujian regrasi berganda, setiap pembolehubah diuji dengan analisis kebolehpercayaan (*reliability*) mengikut kaedah konsistensi dalaman iaitu kaedah yang menentukan darjah korelasi di antara item-item yang mengukur konsep yang sama. Kaedah yang umum yang popular digunakan ialah *Cronbach Alpha* (Churhill 1979; Nunnaly 1978) dimana nilai *Cronbach Alpha* yang melebihi 0.70 hingga 0.90 dianggap baik. Analisis faktor turut diaplikasikan bagi tujuan memastikan setiap pembolehubah kajian ini berada pada kedudukan berunidemensi. Setiap demensi ini akan digunakan sebagai input bagi analisis regrasi berganda (*multiple regression*). Nilai *eigenvalues* yang melebihi 1.0 bagi setiap faktor dianggap signifikan

dan nilai *KMO* melebihi 0.70 dianggap baik (Hair et al, 1998. Pemboleh ubah bebas hasil daripada analisis faktor dijadikan input dalam model regresi ini sebagai fungsi kepada niat gelagat kepatuhan terhadap pembayaran zakat tanaman. Model regrasi berganda yang akan diuji yang akan dibentuk seperti berikut:

$$NGK = \alpha + \beta_1 C_1 + \beta_2 C_2 + e$$

Bersamaan:

NGK : niat gelagat kepatuhan terhadap membayar zakat tanaman

α : nilai konstan

β_1, β_2 : koefisien angkubah masing-masing

C_1, C_2 : pemboleh ubah sikap, norma subjektif

e : ralat

Daripada perolehan data tersebut menunjukkan hasil *cronbach's alpha* untuk bahagian B iaitu pengetahuan petani terhadap zakat tanaman adalah 0.74. Hasil bagi pembolehubah bersandar pula adalah 0.88, manakala untuk pembolehubah tidak bersandar iaitu sikap dan norma subjektif adalah masing-masing 0.60 dan 0.80. Keputusan data ini menunjukkan soalan-soalan yang dinyatakan didalam borang soal selidik adalah sederhana baik dan boleh diteruskan.

ANALISIS EMPERIKAL

Jadual 2 menunjukkan kekerapan tahap pengetahuan responden terhadap zakat tanaman. Hasil daripada data yang diperolehi, pengkaji mendapati ramai responden yang bersetuju dan sangat setuju untuk soalan-soalan umum iaitu dari soalan 1 hingga soalan 6. Justeru ini bermakna rata-rata responden mempunyai pengetahuan asas dalam zakat tanaman yang mana kesemua soalan umum mendapat peratusan yang tinggi. Ini dikukuhkan lagi dengan data yang diperolehi bagi soalan yang pertama iaitu adakah anda tahu apa itu zakat pertanian? Jawapan bagi soalan ini adalah sebanyak 197 orang atau 60.6 peratus yang bersetuju dan 122 orang atau 37.5 peratus yang berpendapat sangat setuju tentang zakat tanaman. Manakala, hanya 6 orang atau 1.8% sahaja yang tidak tahu apa itu zakat tanaman.

Didapati juga tahap pengetahuan responden bagi soalan-soalan yang lebih terperinci berkenaan dengan zakat tanaman masih lagi ditahap yang minimum. Walaupun skor tertinggi masih lagi bersetuju, namun skor tidak pasti dan tidak setuju juga semakin meningkat dimana ia dapat dilihat berdasarkan soalan 7 hingga soalan 10 yang mana berikut adalah soalan yang lebih khusus kepada pengetahuan zakat tanaman. Kenyataan ini jelas menyatakan bahawa responden hanya mempunyai pengetahuan umum sahaja tentang zakat tanaman. Bagi soalan mengenai syarat-syarat dan nisab kewajipan membayar zakat tanaman dapat dilihat skor tertinggi adalah bersetuju iaitu 141 orang atau 43.4 peratus. Diikuti pula dengan skor tidak pasti dan tidak setuju yang mana masing-masing adalah 86 orang atau 26.5 peratus dan 82 orang atau 25.2 peratus. Terdapat juga responden yang menjawab sangat tidak setuju bagi kenyataan soalan 8 ini iaitu serami 6 orang atau 1.8 peratus. Bagi yang menjawab sangat setuju pula hanya 10 orang sahaja atau 3.1 peratus. Ini bermakna masih ramai lagi petani yang tidak ada pengetahuan berkenaan dengan syarat-syarat dan nisab bagi kewajipan zakat tanaman.

Seterusnya, bagi soalan 8 pula iaitu kadar zakat pertanian yang wajib dibayar adalah 5 peratus daripada jumlah hasil tanaman. Data menunjukkan ramai responden yang sangat bersetuju dengan kenyataan berikut iaitu seramai 132 orang atau 40.6 peratus. Diikuti dengan yang bersetuju seramai 103 orang atau 31.7 peratus. Namun ada juga responden yang menjawab tidak pasti dan tidak setuju iaitu 76 orang atau 23.4 peratus dan 14 orang atau 4.3 peratus. Data ini menunjukkan sebanyak 27.7 peratus petani masih lagi tidak mengetahui kadar jumlah zakat tanaman. Kemudian, soalan ke 9 iaitu kenyataan kewajibkan zakat tanaman sekiranya cukup nisab dan syartanya di negeri Selangor. Jika dilihat kepada jadual diatas, ramai yang setuju akan kenyataan ini iaitu seramai 256 orang atau 78.8 peratus. Akan tetapi, terdapat juga responden yang tidak pasti dan tidak setuju iaitu masing-masing seramai 37 orang atau 11.4 peratus dan 10 orang atau 3.1 peratus. Manakala yang sangat bersetuju pula adalah seramai 22 orang atau 6.8 peratus. Ini menunjukkan ada segelintir petani yang masih tidak tahu akan kewajipan membayar zakat di negeri Selangor.

Akhir sekali bagi kenyataan untuk soalan 10 iaitu pengetahuan tentang cara mengira zakat tanaman. Ramai yang sangat bersetuju dengan kenyataan ini iaitu seramai 139 orang atau 42.8 peratus dan diikuti dengan yang bersetuju iaitu seramai 92 orang atau 28.3 peratus. Walaupun ramai yang bersetuju dan sangat setuju dengan kenyataan tersebut, tetapi ada juga responden yang menjawab tidak pasti dan tidak setuju iaitu seramai 52 orang atau 16 peratus dan 42 orang atau 12.9 peratus. Data tersebut menunjukkan sebanyak 28 peratus petani masih lagi tidak mengetahui cara mengira zakat tanaman.

Secara keseluruhannya, maklum balas yang diberikan oleh responden terhadap kenyataan tentang pengetahuan petani terhadap zakat tanaman rata-rata menyumbang kepada nilai purata yang tinggi. Hanya bagi soalan 6 dan 7 sahaja yang menunjukkan nilai purata yang sederhana iaitu soalan berkenaan dengan mengetahui tentang zakat tanaman dan jumlah yang perlu dibayar adalah daripada ceramah agama atau media elektronik dan juga soalan mengenai pengetahuan tentang syarat-syarat dan nisab bagi kewajipan membayar zakat tanaman. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan menyumbang kepada pengaruh kepatuhan petani terhadap zakat tanaman. Purata keseluruhan menunjukkan tahap pengetahuan petani terhadap zakat tanaman adalah sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa kemerosotan kutipan zakat disebabkan oleh tahap pengetahuan petani yang sederhana terhadap zakat tanaman. Justeru ia menyumbang kepada pengaruh kepatuhan petani terhadap zakat tanaman.

Jadual 2: Tahap Pengetahuan Petani Terhadap Zakat Pertanian Dan Keputusan Nilai Purata

Kenyataan	Nilai Purata
1. Anda tahu apa itu zakat tanaman.	4.34
2. Zakat tanaman adalah kewajipan fardhu yang wajib dikeluarkan keatas individu yang cukup nisab.	4.14
3. Setuju zakat tanaman mempunyai banyak kelebihan?	4.19
4. Setuju zakat tanaman mensucikan harta daripada yang haram?	4.19
5. Tahu tentang zakat tanaman dan jumlah yang perlu dibayar daripada Lembaga Zakat Selangor.	4.04

6. Tahu tentang zakat tanaman dan jumlah yang perlu dibayar daripada ceramah agama atau media elektronik.	3.66
7. Tahu syarat-syarat dan nisab bagi kewajipan membayar zakat tanaman.	3.21
8. Kadar zakat tanaman yang wajib dibayar ialah 5% daripada jumlah hasil tanaman.	4.09
9. Negeri Selangor telah mewajibkan zakat tanaman sekiranya cukup nisab dan syartanya.	3.89
10. Ada pengetahuan cara mengira zakat tanaman.	4.01
Purata Keseluruhan	3.61

Jadual 3: Perbezaan Tahap Pengetahuan Petani Mengikut Kumpulan Faktor Demografi.

	Faktor	F Value	Sig.
	Demografi yang diuji		
	Umur	4.862	0.003*
Tahap	Pendidikan	2.895	0.022**
Pengetahuan	Pendapatan	15.057	0.000*
Petani	Tempoh	7.890	0.000*
	Pengalaman		
	Keluasan Tanah	11.350	0.000*

**signifikan pada aras $\alpha = 0.05$

*signifikan pada aras $\alpha = 0.01$

Analisis ujian ANOVA sehalu telah dilakukan untuk melihat perbezaan tahap pengetahuan petani terhadap zakat tanaman. Faktor demografi yang terlibat ialah faktor umur, pendidikan, pendapatan, tempoh pengalaman menceburi bidang pertanian dan keluasan tanah tanaman.. Keputusan mendapati bahawa semua faktor yang diuji menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara umur ($\rho = 0.003$), pendapatan($\rho = 0.000$), tempoh pengalaman ($\rho = 0.000$), dan keluasan tanah($\rho = 0.000$), pada aras signifikan yang tinggi iaitu $\alpha = 1\%$. Manakala bagi faktor pendidikan masih didapati menunjukkan perbezaaan yang signifikan walaupun diuji dengan aras $\alpha = 5\%$.

Dapatan ini menunjukkan tahap pengetahuan petani terhadap zakat tanaman adalah berbeza mengikut tahap umur, latar belakang pendidikan, pendapatan, tempoh pengalaman menceburi bidang pertanian serta keluasan tanah. Ujian *Post Hoc* yang dijalankan juga menunjukkan bagi faktor umur kumpulan petani yang berumur < dari 30 tahun mempunyai tahap pengetahuan paling berbeza berbanding kumpulan umur yang lain. Manakala bagi faktor status pendidikan pula,

kumpulan yang mempunyai tahap pengetahuan yang berbeza ialah kumpulan Lain-lain yang merangkumi mereka yang mempunyai kelulusan Kolej/IPT.

Bagi petani mengikut kumpulan pendapatan, keputusan *Post Hoc* menunjukkan kumpulan petani yang berpendapatan RM5001 – RM10000 memperlihatkan perbezaan yang paling tinggi. Sementara bagi kumpulan petani yang mempunyai tempoh pengalaman > 21 tahun menceburi bidang pertanian menunjukkan tahap pengetahuan yang plaing berbeza berbanding kumpulan tempoh pengalaman yang lain.

Pemeriksaan ke atas matrik data menunjukkan nilai *KMO* bagi niat gelagat kepatuhan, sikap dan norma subjektif masing-masing adalah 0.903, 0.897 dan 0.922. Justeru, instrumen yang digunakan bagi mengukur data keempat-empat pemboleh ubah tersebut berada pada kedudukan yang baik. Ujian kenormalan kajian menunjukkan nilai *skewness* dan *kurtosis* bagi semua pemboleh ubah berada pada kedudukan yang baik dan mencapai tahap kenormalan seperti yang disarankan (± 1.18). Setiap pemboleh ubah bebas diuji bagi melihat kemungkinan timbulnya masalah multikolineariti. Pengujian multikolineariti dibuat antara pemboleh ubah bebas dengan niat gelagat. Keputusan menunjukkan bahawa setiap petunjuk bagi nilai *variance inflation factor* (VIF) dan *tolerance* menandakan tidak terdapat sebarang masalah multikolineariti yang serius. Nilai VIF yang diperoleh tidak melebihi 10 dan nilai *tolerance* tidak melebihi 0.10 seperti yang disarankan oleh Hair et al. (1998). Hal ini turut disokong apabila nilai indeks syarat (*condition index*) yang mempunyai nilai *threshold* melebihi 30 tiada pekadarannya pekali varian (*proportion of coefficient variance*) bagi pemboleh ubah peramal yang berkaitan apabila nilai 0.90 dan ke atas bagi dua atau lebih pekali. Oleh itu, kedudukan ini menggambarkan semua pemboleh ubah dalam kajian ini tidak mempunyai masalah multikolineariti yang serius.

Jadual 4: Ringkasan Model

Model	R	R Square	Selarasan R Square	Ralat Anggaran Piawaian
1	0.822	0.680	0.674	0.34861

Peramal (konstan): sikap, norma subjektif

Jadual 5: Analisis Regrasi Berganda Niat Kepatuhan Membayar Zakat Tanaman

Model	Koefision tidak terpiawaian	β	Sisihan Piawai	Koefision terpiawaian	Beta	t	Sig.
Niat (konstan)		0.069	0.142			0.449	0.654
Sikap		0.530	0.056	0.506		9.474	0.000*
NormaSubjektif		0.231	0.053	0.369		3.521	0.000*

Peramal (konstan): sikap dan norma subjektif

Pembolehubah bersandar: niat gelagat kepatuhan membayar zakat tanaman

R square = 0.68, F statistics = 336.398, Sig = 0.000, $\rho < 0.01$*

Jadual 4 memaparkan keputusan analisis berganda bagi pembolehubah tidak bersandar (sikap dan norma subjektif) terhadap pembolehubah bersandar (niat gelagat kepatuhan petani membayar zakat tanaman). Nilai *R square* di Jadual 4 yang berjumlah 0.68 bermaksud sebanyak 68% niat kepatuhan petani dalam membayar zakat tanaman diterangkan oleh pembolehubah sikap dan norma subjektif. Berdasarkan jadual diatas, jelas menunjukkan faktor sikap dan norma subjektif mempunyai pengaruh yang signifikan dan positif terhadap niat membayar zakat tanaman. Kedua-dua pembolehubah tidak bersandar tersebut berkait secara positif dan signifikan pada tahap $\alpha = 1\%$.

Pembolehubah sikap memberikan pengaruh yang tinggi berbanding norma subjektif. Hasil kajian lepas juga menunjukkan keputusan yang sama seperti kajian yang dilakukan oleh Alam & Sayuti (2011) menunjukkan faktor sikap berhubung dengan niat secara signifikan dalam persekitaran produk halal. Selain itu, dalam persekitaran perbankan Islam, Amin, Rahman, Jr, & Hwa (2011) melaporkan faktor sikap turut mempengaruhi niat untuk menggunakan perbankan Islam. Berdasarkan analisis di Jadual 5, model regresi berganda tersebut boleh diterangkan seperti berikut:

$$NGK = 0.069 + 0.530 C1 + 0.231 C2 + e$$

Bersamaan:

<i>NGK</i>	: Niat gelagat kepatuhan terhadap membayar zakat tanaman
<i>a</i>	: Nilai konstan
<i>C1</i>	: Pembolehubah sikap
<i>C2</i>	: Pembolehubah norma subjektif
<i>e</i>	: Ralat

Model regresi berganda ini menunjukkan sikap (*C1*) dan norma subjektif (*C2*) mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat iaitu $\beta_1 = 0.530$ dan $\beta_2 = 0.231$. Selepas melihat kepada hasil ujian statistik ini mengikut hipotesis kedua, terbukti H_0 ditolak kerana analisis menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara semua faktor pembolehubah tidak bersandar dengan niat gelagat kepatuhan petani dalam membayar zakat tanaman. Hasil kajian lepas daripada Zainol Bidin (2009) juga menunjukkan bahawa sikap dan norma subjektif mempunyai pengaruh yang signifikan dalam mempengaruhi niat gelagat kepatuhan zakat pendapatan. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan kesesuaian penggunaan teori tindakan beralasan dalam meramal gelagat kepatuhan petani terhadap zakat tanaman.

KESIMPULAN

Kesimpulannya adalah hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan para petani terhadap zakat tanaman secara umum di daerah Sabak Bernam adalah sederhana. Begitu juga dengan faktor sikap dan norma subjektif mempunyai pengaruh yang signifikan dan positif terhadap niat gelagat para petani dalam membayar zakat tanaman. Keputusan telah merangkumi analisis berkaitan dengan profil demografi responden serta penerimaan dan penolakan hipotesis. Dengan ini, kajian telah menjawab persoalan kajian iaitu terdapat pengaruh yang signifikan di antara sikap dan norma

subjektif petani terhadap kepatuhan pembayaran zakat tanaman. Dapatan juga menyimpulkan kepatuhan ini sangat dipengaruhi oleh sikap petani berbanding norma subjektif.

Implikasi Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan teori tindakan beralasan boleh di aplikasikan dengan baik dalam meramal niat gelagat kepatuhan terhadap zakat tanaman. Kedua-dua pembolehubah iaitu sikap dan norma subjektif menunjukkan pengaruh yang positif dan signifikan terhadap niat gelagat individu pembayar zakat tanaman. Keputusan menunjukkan dengan jelas bahawa sikap yang positif dan optimis terhadap zakat amat penting dalam mempengaruhi niat petani untuk lebih bersedia dalam membayar zakat tanaman. Disamping itu, keputusan kajian juga memaparkan norma subjektif juga membuktikan terdapat pengaruh terhadap niat gelagat petani dalam membayar zakat tanaman. Dalam konteks pembayaran zakat, keputusan petani untuk membayar zakat tanaman adalah bergantung kepada niatnya. Semakin kuat niat petani untuk membayar zakat, semakin kuat kebarangkalian petani tersebut untuk membayar zakat. Sebaliknya, niat petani yang lemah akan mengurangkan kemungkinan petani untuk berbuat demikian.

Cadangan

Melalui kajian ini, pengkaji memberikan beberapa cadangan untuk kajian ini. Bagi menambah pengetahuan para petani terhadap zakat tanaman, Lembaga Zakat Selangor (LZS) haruslah menyebarkan maklumat yang berkaitan dengan zakat tanaman dengan mengambil inisiatif mengadakan kempen agihan zakat dengan mengambil manfaat kemudahan teknologi sedia ada. Bukan sahaja promosi di media cetak, malah LZS seharusnya menyalurkan maklumat melalui medium media sosial yang jauh lebih pantas daripada medium lain serta membuka ruang menerima komen-komen dari orang awam.

Di samping itu juga, maklumat berkenaan usaha-usaha agihan seharusnya dikongsi bersama supaya masyarakat umum menyedari dan mengetahui ke mana wang zakat yang dibayar itu disalurkan. Ini sekaligus mampu meningkatkan keyakinan masyarakat untuk kekal membayar zakat kepada pihak berwajib. Pihak dari LZS haruslah lebih proaktif dalam usaha menyedarkan kepentingan kepatuhan zakat tanaman kepada masyarakat amnya dan para petani khususnya.

Batasan/Limitasi Kajian

Semasa menjalankan kajian ini, terdapat limitasi/batasan yang pengkaji hadapi, antaranya adalah:

1. Limitasi faktor keselamatan dan kepercayaan dari segelintir responden dalam sesi temu bual dan mengisi borang soal selidik.
2. Batasan memahami laras bahasa dan tahap kesukaran soalan. Kesukaran pengkaji untuk memberikan kefahaman kepada responden dalam menjawab soalan borang soal selidik dan juga sesi temu bual bersama responden.

Cadangan Penyelidikan Lanjutan

Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga. Kepentingan zakat kepada pembangunan negara dan ummah tidak dapat dinafikan kerana sumber zakat penting bagi jaminan sosial, bagi merapatkan jurang pendapatan antara yang kaya dan yang miskin, bagi keharmonian masyarakat dan ia menjadi asas yang kukuh bagi kekuatan ekonomi masyarakat Islam. Hasil kajian mendapati petani di daerah Sabak Bernam patuh terhadap zakat tanaman, akan tetapi adakah taraf hidup petani tersebut sesuai untuk membayar zakat tanaman menjadi persoalan yang harus dijawab dengan adil.

Dalam tanaman padi yang moden sekarang ini, petani terpaksa menanggung kos yang tinggi dari segi penyediaan tapak sawah padi, pembajaan, proses pengairan, pembersihan dan sebagainya. Tambahan pula, kaedah pengiraan zakat tanaman (padi) dikira menggunakan hasil kasar. Padahal, kos-kos yang dikeluarkan untuk penanaman padi adalah besar. Ini boleh menyebabkan petani yang membayar zakat berada dalam kategori asnaf yang menerima zakat.

Menurut Ibn Umar, Rasulullah SAW menyuruh aku memungut zakat daripada orang kaya untuk diberikan kepada orang fakir. Maka, bagaimana zakat tanaman itu dipungut daripada para petani sedangkan mereka lebih memerlukannya bagi memenuhi sara hidup mereka. Bahkan, syarat-syarat mengeluarkan zakat adalah milik sempurna, subur, cukup nisab, melebihi keperluan asas, bebas dari hutang dan cukup hawl (pusingan tahunan).

Justeru, kajian pada masa depan dicadangkan supaya mengkaji tentang taraf hidup petani adakah selari dengan kewajipan membayar zakat tanaman kerana petani sinonim dengan status kemiskinan. Selain itu, kajian mencadangkan untuk mempertimbangkan pengaruh norma subjektif, sikap dan kawalan gelagat ditanggapi. Disamping itu juga, pengkaji akan datang boleh juga menggunakan teori yang berlainan dalam meneruskan kajian mengenai kepatuhan zakat tanaman ini.

RUJUKAN

- Abdul, R. A. R. (2004). Menangani cabaran semasa Institusi Zakat di Malaysia: Satu Analisis. *IKIM Jurnal*. 12/1: 103-115.
- Abidin, Z. dan Md. Idris, K. (2009). Sikap, norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggapi terhadap niat gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. *IJMS*, 16 (1), 31– 55.
- Ahmad, H. B. (2006). Dilema perundangan zakat di Malaysia: Antara penguatkuasaan dan strategi pujukan/galakan/intensif membayar zakat, zakat: pensyariatan, perekonomian dan perundangan (ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir; Bangi: *Penerbit UKM*).
- Ahmad, S. M. dan Adibah, A. W. (2010). Pengurusan zakat di Selangor: Isu dan cabaran prosiding konvensyen kebangsaan & pengurusan harta dalam Islam (*Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam, Bangi: UKM*): 1-33.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behaviour. *Organization behaviour and human decision processes*, 50, 179-211.
- Ajzen, I. (2005). *Attitudes, personality and behaviour (second)*. London, UK: Open University Press.
- Amir, H. M. N. (2009). Peningkatan kutipan zakat Di Malaysia: Analisa faktor. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* Vol. 4, No. 2, 2010:79-94.
- Asmak, A. R. & Joni, T. B. (2005). Isu Dalam Kutipan Zakat Pertanian: Kajian di Selangor. dalam teori dan aplikasi kontemporari sistem ekonomi Islam di Malaysia, ed. Abdullah Alwi Hj. Hassan. (*Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd*). 143-165.
- Hairunnizam, W., Sanep, A. & Mohd, A. M. N. (2006). Kesedaran membayar zakat pendapatan di Malaysia. Laporan tidak diterbitkan. Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamil, M. I., Chek, D. & Engku, I. E. A. (1997, Nov.). Zakat penggajian: Suatu tinjauan terhadap pengetahuan dan amalan muslimin negeri Perlis, Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penyelidikan Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

- Kamil, M. I. (2002). Gelagat kepatuhan zakat gaji dikalangan kakitangan awam. (Tesis Ph.D tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- M. Rais, A. (2004). Strategi kutipan zakat di Kuala Lumpur, Malaysia. Kertas kerja zakat awards 2004, Institut Manajemen Zakat, Dompot Dhuafa Republika, 21 Oktober 2004.
- Saad, R. A. J., Bidin, Z., Idris, K. M., & Hussain, M. H. M. (2010). Faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat perniagaan. *Jurnal Pengurusan*, 30(3), 49– 61.
- Sanep, A., Hairunnizam, W. & Wiyadi. (2006). Potensi dan cabaran terhadap perluasan sumber zakat sektor pertanian di Malaysia. *Jurnal Manajemen dan Bisnis* 12, no. 1: 65-75.
- Siti, R. H., Turiman, S. & Azimi, H. (2015). Pengaruh kepercayaan, motivasi dan niat terhadap golongan belia dalam aktiviti sukarela di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 1(2), 1-10.
- Zainol, B. & Kamil, M. I. (2007). A confirmatory analysis of zakah compliance behavioural intention on employment income. *Malaysian Management Journal*, 11(1&2), 101–112.
- Zainol, B., Kamil, M. I. & Faridahwati, M. S. (2009). Predicting compliance intention on zakah on employment income in Malaysia: An application of reasoned action theory. *Jurnal Pengurusan*, 28(Julai), 85–102.
- Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor 2010
- Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor 2011
- Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor 2012
- Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor 2013
- Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor 2014
- Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor 2015
- Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor 2016